

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1993/94

April 1994

HSM 311 Pergerakan Protes di Tanah Melayu Sarawak  
dan Sabah Abad KE-19 dan Awal Ke-20

---

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM  
DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab TIGA [3] soalan, termasuk sekurang-kurangnya SATU [1]  
soalan daripada Bahagian B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Sejauh manakah Sejarah Melayu merupakan sebuah buku panduan tentang cara bagaimana orang Melayu boleh menderhaka kepada raja yang zalim?
2. W.E. Maxwell, bekas Penolong Residen di negeri Perak, pernah meninjau bahawa seseorang pembesar Melayu di zaman pra-penjajahan perlu tahu menghadkan penindasan dan pemerasan, supaya tidak melebihi tahap kesabaran rakyat tani. Kenapakah Maxwell menyatakan demikian dan setujukah anda dengan pandangannya?
3. "Pembunuhan yang dilakukan oleh Megat Seri Rama ke atas Sultan Mahmud II pada tahun 1699 lebih berunsurkan keadilan daripada perasaan membalas dendam." Bincangkan.
4. "Munshi Abdullah telah melemparkan jauh-jauh semangat 'adat Melayu pantang derhaka' lalu menganut semangat baru yang 'asing', yang lebih demokratis dan sesuai dengan zamannya." (Kassim Ahmad). Bincangkan.

5. Adakah pemberontakan-pemberontakan di negeri Perak pada tahun 1875 dan di negeri Pahang antara tahun-tahun 1891-1895 memperlihatkan bibit-bibit nasionalisme?

**BAHAGIAN B**

6. Adakah ciri-ciri yang disenaraikan dalam takrifan E.J. Hobsbawm tentang 'pemberontak primitif' ('primitive rebels') sesuai dikenakan kepada pemberontak-pemberontak Antanum dan Mat Salleh di negeri Sabah?
7. Sejarah awal pentadbiran James Brooke di negeri Sarawak memperlihatkan penentangan yang merupakan 'nafas terakhir' para pembesar Melayu dan peranakan Arab untuk mempertahankan ketuanan mereka ke atas orang Iban. Bincangkan.

-ooo000ooo-